



Ruj. Kami: JPA(SARAAN)(S)63/145/1 Klt.16 (36)

Tarikh : 7 September 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**PEMANJANGAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2010
KEPADA PEGAWAI LANTIKAN *CONTRACT FOR SERVICE***

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagaimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010. Kerajaan telah bersetuju pembayaran Bantuan Khas Kewangan ini dipanjangkan kepada semua pegawai lantikan *contract for service*.

3. Sehubungan dengan itu, semua pegawai lantikan *contract for service* bertaraf Gred 54 dan ke bawah yang berkhidmat pada tahun 2010 layak dibayar Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00. Bagi pegawai lantikan *contract for service* yang merupakan pesara Kerajaan, mereka hanya layak menerima bayaran RM500.00 sekali sahaja sebagai pesara kerajaan.

4. Surat edaran ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.
5. Dengan berkuatkuasanya surat edaran ini, perenggan 4(f) di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' BASARUDDIN BIN SADALI)
Pengarah Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan